

30 OCT 2001

PARLIMEN BEREHAT SEMINGGU MULAI 12 NOV

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Dewan Rakyat tidak akan bersidang selama seminggu dari 12 Nov sempena sambutan Deepavali pada 14 Nov.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail semasa memulakan persidangan hari ini berkata cuti umum bagi Dewan Rakyat bagi sambutan itu ialah pada 14 dan 15 Nov.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Ketua Majlis telah bersetuju bahawa Dewan Rakyat turut tidak akan bersidang pada 12 dan 13 Nov.

Oleh itu semua pertanyaan bagi sesi soal jawab yang sebelum ini dijadualkan pada 12 dan 13 Nov, akan diberikan jawapan secara bertulis, katanya.

-- BERNAMA

RZS RZS PR